

**PENERANGAN MENGENAI PENGECUALIAN DUTI SETEM
BAGI PEMBELIAN HARTA KEDIAMAN BERHARGA TIDAK MELEBIHI
RM180,000 DALAM TEMPOH 1 JUN 2003 HINGGA 31 MEI 2004.**

***PENGECUALIAN DUTI SETEM INI TIDAK MEMERLUKAN
PENGESAHAN OLEH REHDA***

A. Perintah Pengecualian Duti Setem

Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No. 6) 2003 [PU(A) 169]

Perintah Duti Setem (Pengecualian) (Pindaan) 2003 [PU(A) 235]

B. Skop Perintah

1. Pengecualian duti setem diberikan hanya ke atas pembelian harta berjenis rumah kediaman sahaja. Harta kediaman ditakrifkan termasuk rumah, unit kondominium, pangsapuri dan rumah pangsa yang dibina sebagai suatu rumah kediaman.
2. Harta kediaman (sama ada telah siap dibina atau masih dalam pembinaan) yang dibeli daripada pemaju, badan berkanun atau koperasi. Pemaju ditakrifkan sebagai pemaju perumahan yang berlesen atau berdaftar di bawah undang-undang Negeri atau Persekutuan. Badan berkanun ditakrifkan sebagai suatu badan yang ditubuhkan di bawah undang-undang Negeri atau Persekutuan. Koperasi ditakrifkan sebagai suatu koperasi didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993.
3. Harga harta kediaman tidak melebihi RM180,000 setiap unit.
4. Harta kediaman dibeli dalam tempoh antara 1 Jun 2003 hingga 31 Mei 2004, iaitu, surat perjanjian jualbeli disempurnakan dalam tempoh tersebut.
5. Suratcara-suratcara yang dikecualikan :
 - (i) Perjanjian jualbeli yang disempurnakan antara pembeli dengan pemaju, badan berkanun atau koperasi pada atau selepas 1 Jun 2003 tetapi tidak lewat daripada 31 Mei 2004.
 - (ii) Suratcara yang menguatkuasakan pindah hakmilik rumah kediaman itu daripada pemaju, badan berkanun, koperasi atau tuan punya tanah yang berdaftar kepada pembeli yang menyempurnakan perjanjian jualbeli harta itu dibawah perenggan (i) di atas.
 - (iii) Suratcara dalam bentuk cagaran yang disempurnakan antara pembeli tersebut dengan suatu bank, institusi kewangan atau syarikat insurans bagi mendapatkan pendahuluan wang untuk membiayai pembelian rumah kediaman tersebut. Syarikat insurans ditakrifkan sebagai syarikat insurans berlesen di bawah Akta Insurans 1996; dan termasuk penganadali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984.

(iv) Suratcara dalam bentuk cagaran yang disempurnakan antara pembeli tersebut dengan majikan di bawah suatu skim pinjaman perumahan pekerja bagi mendapatkan pendahuluan wang untuk membiayai pembelian rumah kediaman tersebut.

C. BAGAIMANA MEMOHON PENGECCUALIAN

SURATCARA YANG DIKECCUALIKAN:

1a. Surat perjanjian jualbeli (Salinan Asal)

Salinan **ASAL** dokumen tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Setem. Timbalan Pemungut Duti Setem hendaklah menurunkan catatan pengecualian setelah berpuashati bahawa pengecualian adalah terpakai.

1b. Surat perjanjian jualbeli (Salinan Pendua)

Surat perjanjian pinjaman

Surat ikatan penyerahhakan sebagai sekuriti

Dokumen tersebut tidak perlu dikemukakan kepada Pejabat Setem. Pihak peguam yang menguruskan transaksi tersebut boleh menurunkan catatan pengecualian setelah berpuashati bahawa pengecualian adalah terpakai

2. Dokumen pindahmilik Tanah (KTN 14A)

Dokumen ini hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Setem untuk perakuan pengecualian oleh Timbalan Pemungut Duti Setem. Bayaran taksir sebanyak RM10.00 hendaklah disertakan. Dokumen-dokumen berikut hendaklah juga disertakan :

(i) Satu salinan perjanjian jualbeli

(ii) 3 salinan borang PDS 15 [Deklarasi di bawah seksyen 5 Akta Setem 1949 berhubung dengan dokumen Pindahmilik tanah].

3. Dokumen gadaian (KTN 16A)

Dokumen ini hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Setem untuk perakuan pengecualian oleh Timbalan Pemungut Duti Setem. Dokumen-dokumen berikut hendaklah juga disertakan :

(i) Satu salinan surat perjanjian jualbeli.

(i) Satu salinan surat perjanjian pinjaman.

D. BAGAIMANA MEMOHON BAYARAN BALIK (*REFUND*) DUTI SETEM YANG TELAH DIBAYAR KE ATAS DOKUMEN

6. Permohonan bayaran balik duti setem ke atas dokumen yang telah disetem hendaklah dikemukakan kepada Pejabat Setem yang berkenaan (iaitu pejabat dimana dokumen itu disetemkan).

7. Sebelum permohonan dibuat, pembeli hendaklah pastikan dengan firma guaman yang mewakilinya dalam urusan pembelian atau pinjaman sama ada dokumen yang berkenaan telah disetemkan.

8. Bagi tujuan tuntutan bayaran balik duti setem yang telah dibayar, dokumen berikut hendaklah diserahkan kepada pejabat setem untuk diproses :

(i) Salinan asal dan sesalinan fotostat setiap dokumen tersebut hendaklah diserahkan kepada Pejabat Setem. Salinan asal akan dikembalikan selepas tindakan sewajarnya diambil.

(ii) Surat permohonan bayaran balik. Sekiranya pemohon diwakili oleh firma guaman, sila nyatakan nama dan alamat bank serta nombor akaun bank dimana bayaran itu akan dikreditkan.

9. Permohonan bayaran balik hendaklah mengikuti prosedur-prosedur tertentu. Bayaran balik akan dibuat dalam tempoh antara 1 bulan hingga 2 bulan dari tarikh permohonan yang lengkap diterima.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Mana-mana Pejabat Setem atau

En. Tan Sin Huat 03 62091000 samb. 3764

Puan Lam Su Moi 03 62031942 email: smlam@hasilnet.org.my

Lembaga Hasil Dalam Negeri
Tingkat 11, Blok 9,
Unit Duti Setem
Bahagian Teknikal
Kompleks Pejabat Kerajaan
Jalan Duta
50600 KUALA LUMPUR